

09 JUL 2003

Multaqa-New Zealand/I

NEW ZEALAND TETAP SELAMAT UNTUK UMAT ISLAM

Oleh: P.Vijian

PUTRAJAYA, 9 Julai (Bernama) -- Penduduk minoriti Islam di New Zealand menjalani kehidupan yang menyeronokkan di tengah-tengah sentimen perseteruan terhadap Islam di Barat, kata Pengerusi Lembaga Penasihat Agama New Zealand Sheikh Mohammad Amir.

Beliau berkata kerajaan New Zealand mengguna pakai dasar yang adil dan moden dengan umat Islam di negaranya dihormati sama seperti penduduk lain.

"Terdapat kira-kira 30,000 umat Islam, kebanyakan mereka yang berhijrah, dalam 3.7 juta penduduk New Zealand," katanya kepada Bernama di sini, hari ini.

"Walaupun New Zealand bekas negara jajahan Britain, dasar-dasar kerajaannya adalah seimbang. Mereka tidak mengikut secara membuta-tuli dasar-dasar Amerika Syarikat," kata Sheikh Mohammad, seorang daripada dua peserta New Zealand pada Multaqa Ulama Sedunia di Hotel Marriott Putrajaya di sini.

Multaqa tiga hari anjuran Jabatan Perdana Menteri itu akan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok.

Multaqa itu, yang bermula esok, akan disertai 840 ulama, cendekiawan dan ahli pemikir Islam dari 33 negara yang antara lain akan membincangkan isu-isu semasa serta hala tuju masa depan umah Islam.

Sheikh Mohammad berkata tanggapan mengenai umat Islam berubah dengan mendadak selepas peristiwa pengganas meletupkan bangunan Pusat Dagangan Dunia di New York pada 11 Sept, 2001.

"Rakyat New Zealand mempunyai pandangan berbeza mengenai Islam dan mereka berminat untuk memahami agama itu sejak insiden 11 Sept itu.

"Kami kehabisan naskhah Al-Quran dan terpaksa mengimportnya lagi. New Zealand masih negara yang selamat dan kurang penderitaan bagi penduduk Islamnya," katanya.

Sheikh Mohammad berkata penduduk Islam juga semakin bertambah di negara itu dan kini terdapat 40 masjid dan pusat Islam di New Zealand yang antara lain mengadakan aktiviti mengajar anak-anak umat Islam mengaji Al-Quran.

Majoriti umat Islam yang berhijrah ke negara itu adalah berasal dari Fiji, India, Pakistan dan Somalia, katanya.

-- BERNAMA

VP AZZ NAK